

19/08/2002

Keengganan terima hakikat bukti Nik Aziz sombong

Norbakti Alias

PENDANG, Ahad - Keengganan Datuk Nik Aziz Nik Mat menerima perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam, menunjukkan sikap sombong Mursyidul Am Pas itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Malah, beliau berkata, golongan seperti itu adalah orang yang tidak bersyukur kepada nikmat Allah.

"Negara ini sudah mengamal dan menghayati Islam sejak begitu lama dan rakyat juga sudah selesa dengan keadaan yang ada.

"Tidak perlulah kita terpekik menyatakan Islam...Islam kerana perbuatan dan amalan serta penghayatan ada masanya lebih baik daripada lidah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Nik Aziz yang mendakwa perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam, sama seperti mengiklankan kereta sorong sebagai kereta Mercedes Benz.

Abdul Hamid ditemui ketika menghadiri kenduri kesyukuran sempena kemenangan Datuk Othman Abdul dalam pilihan raya kecil Parlimen Pendang bulan lalu di Kampung Paya Palas di sini, hari ini.

Nik Aziz sewaktu ceramah sempena Konvokesyen Kedua Kolej Islam Darul Ulum milik Pas, Jumaat lalu, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya mengiklankan Malaysia sebagai negara Islam tetapi hakikatnya Malaysia bukan negara Islam.

Abdul Hamid menjelaskan apa saja yang dirancang oleh kerajaan khususnya pembangunan adalah berteraskan kehendak Islam.

"Kewujudan Kementerian Kesihatan adalah untuk memastikan rakyat sentiasa sihat dan dapat menjalankan ibadah dengan sempurna, begitu juga Kementerian Pendidikan dalam memastikan penyebaran budaya ilmu.

"Kerajaan juga mewujudkan Darul Quran yang menjadi tempat untuk mereka menghafaz al-Quran.

"Ini menunjukkan kerajaan prihatin. Ini semuanya berlandaskan Islam.

"Tang (Di) mana lagi yang tak kena. Tak Islam ke lagi ini," katanya.

Mengenai pertemuan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) dengan Nik Aziz, Abdul Hamid berkata, Menteri Besar Kelantan itu tetap dengan pendirian yang menyamakan Allah dengan samseng.

"Jakim tetap tidak dapat menerima pendirian Nik Aziz itu," katanya yang bagaimanapun menjelaskan Jakim tidak boleh mengambil tindakan kerana tidak mempunyai kuasa menguatkuasa kecuali untuk menetapkan dasar.

Sebaliknya, Abdul Hamid berkata, tindakan Nik Aziz itu jelas menjaja Islam dengan harga yang murah, dalam usaha mengelirukan umat Islam untuk memenuhi kepentingan pemimpin parti pembangkang berkenaan.

"Kita perlu menyebut Allah dengan nama yang baik dan apakah samseng itu sesuatu yang baik?"

"Jelas tindakan Nik Aziz itu sebagai senjata makan tuan kerana mencerminkan perjuangan sebenar parti berkenaan," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid mengingatkan orang ramai bahawa adalah salah daripada segi akidah jika menganggap Pas adalah Islam dan Islam adalah Pas.

"Pas adalah cuma parti politik yang tidak ada kena mengenai dengan Islam, seperti parti lain.

"Mereka berjuang atas landasan politik dan hanya menggunakan agama untuk kepentingan pemimpinnya.

"Ini kerana Pas menggunakan kesempatan untuk mengeksploitasikan sikap

umat yang menghormati Islam," katanya.